

07/03/1997

Tiga elemen penting pastikan kejayaan

Barjoyai Bardai

WALAUPUN teknologi adalah harta yang penting dalam perniagaan, namun teknologi sahaja tidak akan berupaya mengubah idea canggih itu menjadi perniagaan yang berdaya maju.

Tiga elemen lain yang amat penting ialah bakat pengurusan, pasaran dan modal. Dalam kebanyakan keadaan, kedua-dua sumber itu perlu dicari daripada sumber lain dan dibawa masuk ke dalam perniagaan untuk benar-benar dapat mengeksploitasi peluang daripada teknologi ini.

Inilah peranan yang diharapkan daripada syarikat modal teroka. Selain memasukkan modal, pasukan modal teroka perlu mengenal pasti bakat pengurusan dan menyusunnya sehingga pasaran menjadi cukup jelas dan tepat bagi memastikan projek itu cukup berdaya maju.

Penyenaraian syarikat kami di Bursa Saham Montreal kali ini membuat sedikit perubahan yang dianggap cukup besar kepada pihak pengurusan bursa saham berkenaan.

Kami menjemput Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Kanada yang tinggal di Ottawa kira-kira 100 batu dari Montreal untuk merasmikan penyenaraian, iaitu Datuk Abdullah Zawawi.

Beliau yang memang cukup prihatin dengan perkembangan dalam bidang perniagaan antarabangsa di Malaysia amat mengalu-alukan jemputan itu.

Sepatah kata beliau "what do you expect of us as Dr Mahathir's boys. We have to support him all out".

Pengerusi Bursa Saham Montreal yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja Tertinggi Pasaran Saham Dunia, agak gemuruh mendengar berita mengenai kedatangan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, kerana jawatan Pesuruhjaya Tinggi adalah mewakili kerajaan Malaysia.

Persiapan bagi hari penyenaraian itu berlangsung agak luar biasa. Sebuah ruang legar disediakan khusus untuk hadirin pada pagi itu yang terdiri daripada lebih 50 delegasi dari Malaysia, kerajaan Quebec dan wakil kerajaan Kanada bagi menyambut Pesuruhjaya Malaysia.

Kami membawa sebuah gong besar yang dibeli dari Pasar Seni Kuala Lumpur.

Kastam di Amerika Syarikat dan Kanada susah nak mempercayai bahawa kami membawa gong itu hanya untuk dipukul beberapa kali di pagi penyenaraian sehingga kami terpaksa membayar cukai import ke atasnya.

Pihak pengurusan Bursa Saham Montreal cukup seronok melihat gong itu yang berkilat dibuat daripada tembaga dengan kayu meranti sebagai tiang penyokongnya. Datuk Abdullah Zawawi diberi penghargaan memukul gong dan menandatangani buku pelawat Bursa Saham Montreal sebelum memberikan ucapan.

Pengerusi Telekom Advanced System Corporation iaitu Tan Sri Datuk Abdullah Ayob, yang disenaraikan itu menyusur memukul gong sebelum pukulan gong penutup dibuat oleh Pengerusi Bursa Saham Montreal.

Beliau cukup seronok kerana dapat memukul gong itu.

Beliau biasa mendengar daripada Datuk Nik Mohamad Din mengenai tradisi memukul gong sewaktu penyenaraian syarikat di Malaysia.

Wakil Pejabat Perdagangan Quebec mencadangkan supaya Bursa Saham Montreal membeli sebuah gong untuk memulakan tradisi baru di Montreal kerana pihak pengurusan memang memikirkan untuk cuba memulakan sesuatu yang baru dan berbeza dari jajahan lain di Kanada.

Kami membuat keputusan untuk meninggalkan gong kami di Montreal bagi kegunaan penyenaraian syarikat kami pada masa akan datang. Bursa Saham Montreal sudah cukup mengenali pasukan kami kerana saya dan rakan-rakan

sudah merealisasikan tiga penyenaaraian dan kini pelabur Malaysia memiliki tiga syarikat yang tersenarai dalam klasifikasi syarikat berteknologi tinggi di Bursa Saham Montreal.

Di dalam ucapannya, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Datuk Abdullah Zawawi menegaskan kerajaan Malaysia mengalu-alukan kerjasama di antara Montreal dengan Kuala Lumpur dan menyifatkan ini sebagai satu jambatan penting dalam usaha mengembangkan kerjasama perniagaan antara kedua negara.

Usaha untuk membolehkan usahawan Malaysia melabur dalam syarikat berteknologi tinggi dari Amerika Syarikat menggambarkan model globalisasi yang sebenar di dunia.

Beliau menyifatkan ini sebagai satu model perkongsian bijak di antara pelabur Malaysia, pemilik teknologi canggih di Amerika Syarikat, pelabur dan institusi pelaburan di Kanada serta syarikat modal teroka yang berjaya menggembelangnya bersama pakar kewangan dari Kanada dan Amerika Syarikat.

Projek yang disenaraikan itu adalah projek telekomunikasi multimedia adalah usaha merealisasikan matlamat menyemarakkan Koridor Raya Multimedia di Malaysia. Beliau berharap Telekom Malaysia Berhad akan menjadi peneraju projek di Malaysia dan menjadikan negara ini sebagai 'launching pad' bagi penerokaan projek multimedia telekomunikasi di seluruh dunia.

Sebagai acara selingan, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia menjadi tuan rumah kepada pelawat dari Malaysia yang menghadiri upacara penyenaaraian itu pergi melawat ke bandaraya Montreal.

Acara lawatan ini diatur dengan kerjasama Bursa Saham Montreal dan penasihat kewangan kami di Montreal.

Lawatan bermula di pusat sukan Olimpik yang kini sudah diubah suai. Salah sebuah bekas stadium yang diubah suai menjadi muzium hidup menggambarkan empat alam berbeza. Kami melawat alam tropika, alam kutub utara, alam gurun sahara dan alam empat musim.

Selain pemandangan dan hawa yang tertentu, hidupan dan tumbuhan di setiap kawasan juga menggambarkan suasana asli di setiap kawasan. Apa yang menarik ialah hidupan airnya yang dapat ditonton dari bawah tanah melalui kaca menjadikan perspektif muzium ini cukup lengkap. Daya kreativiti mengubah stadium menjadi muzium adalah satu kaedah yang boleh diambil iktibar.

Bayangkan apa terjadi kepada tapak sukan Komanwel selepas tahun 1998 nanti.

Kita boleh memikirkan beberapa projek menarik bagi menggubah stadium sukan itu menjadi serba boleh bagi memastikan ia tidak menjadi "gajah putih" Malaysia.

Pada malam kedua, kami diundang makan malam di sebuah kelab eksklusif bagi meraikan Pesuruhjaya Malaysia di Kanada.

Kelab ini pada asalnya adalah sebuah rumah yang dimiliki oleh tuan punya syarikat keretapi pertama di dunia.

Rumah itu diperbuat daripada kayu seratus peratus dan mempunyai panel serta reka bentuk kayu yang cukup menarik.

Walaupun berusia lebih 100 tahun, ia masih cukup elegan dan menawan.

Kami dibawa melawat ke semua bilik dalam rumah itu selepas makan malam.

Pengerusi syarikat menyampaikan ucapan penghargaannya kepada Bursa Saham Montreal dan Datuk Abdullah Zawawi kerana turut sama meraikan penyenaaraian syarikat kami.

Kami berasa lawatan ke Montreal itu cukup menimbulkan motivasi yang tinggi bagi melanjutkan usaha menyenaraikan projek berteknologi tinggi di Kanada. Kini, kami merancang menyenaraikan beberapa projek lagi yang dikenalpasti memang cukup berdaya maju.

Insyallah, kami akan berusaha menyenaraikan sehingga 10 syarikat pada tahun ini.

Kami kini sedang membariskan pelabur kami bagi merancang dan memastikan

mereka dapat menyebarkan risiko dan pada masa yang sama, memaksimumkan pulangan pelaburan mereka daripada pemilihan saham dalam syarikat tersenarai berteknologi tinggi ini. Dengan premium lebih 300 peratus daripada setiap penyenaaraan lalu meyakinkan kami bahawa kedua-dua matlamat kami untuk menguasai teknologi canggih bagi pembangunan negara dan menggandakan kekayaan umat Islam melalui proses penyenaaraan syarikat di pasaran saham antarabangsa.

Wallahu A'lam.

(END)